

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 7 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1133-L1569
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah Skim Belia Tani dilihat sebagai satu langkah untuk meningkatkan penglibatan belia dalam industri pertanian dan asas tani dan apakah langkah-langkah yang dirancang oleh pihak Kementerian untuk menambahkan penglibatan belia dalam industri ini.
2. PN-1133-L1649
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program-program yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk menanamkan semangat jati diri di kalangan ibu-ibu tunggal untuk mengharungi cabaran menguruskan keluarga mereka terutamanya kepada ibu-ibu tunggal yang mempunyai ramai anak kerana payah bagi mereka untuk menguruskan keluarga.
3. PN-1133-L1377
Tuan Gooi Hoe Hin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan Perlembagaan Persekutuan dalam mendukung serta mengukuhkan lagi perpaduan dan integrasi negara.
4. PN-1133-L1421
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mengeluarkan pas sementara bagi pelajar-pelajar luar negeri yang ingin bekerja secara sambilan pada cuti semester.
5. PN-1133-L1742
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilakah unit-unit rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) akan mula dijual kepada rakyat berpendapatan rendah dan apakah syarat-syarat penting yang disenaraikan agar mereka tidak sewenang-wenangnya menjual unit ini kepada pihak lain yang tidak layak terutama bukan bumiputera.

6. PN-1133-L1792
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan 10 projek utama dalam 5 tahun ini yang memberi kesan yang terbesar dalam usaha mempertingkatkan taraf hidup orang Asli dan apakah manfaat, jumlah wang, bilangan keluarga dan lokasi yang terlibat dalam setiap projek tersebut.

7. PN-1133-L1841
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah tuntutan insurans kenderaan bermotor pada tahun 2004 hingga kini dan daripada jumlah tersebut berapa peratuskah merupakan tuntutan 'third party' dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan perlindungan nyawa atau 'Personal Accident' dalam polisi insurans kenderaan bermotor sebagai langkah bagi melindungi kenderaan dan juga nyawa pemandu itu sendiri.

8. PN-1133-L1583
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan fakta-fakta yang disebarkan oleh ASLI mengenai pemilikan harta-harta oleh kaum bumiputera berbanding dengan statistik yang disimpan oleh Kerajaan. Pendedahan yang di buat oleh ASLI ini boleh mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat yang terlibat dan merupakan isu-isu yang sangat sensitif.

9. PN-1133-L1966
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan NAM dalam membantu menyelesaikan konflik di Asia Barat iaitu krisis Israel dan Palestin.

10. PN-1133-L1441
Tuan Chiw Tiang Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan usia persaraan berasaskan kepada umur persaraan negara-negara maju yang lebih tinggi iaitu 65 atau 70 tahun memandangkan ramai yang masih aktif dan berada pada kemuncak kerjaya masing-masing dalam peringkat umur persaraan yang ditetapkan hari ini.

11. PN-1133-L1701
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memastikan Government Link Companies (GLC) menjalankan tanggungjawab sosial dengan mengambil graduan-graduan bumiputera yang masih menganggur.

12. PN-1133-L1559
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai peranan Kementerian untuk menaikkan imej negara dalam bidang bola sepak yang semakin hari semakin merosot.
13. PN-1133-L1986
Datuk Chew Vun Ming minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelbagai langkah telah diambil untuk menghalang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) terus membanjiri negara ini. Namun demikian, pada hari ini kita dapat melihat PATI masih lagi terus bebas di negara ini terutama sekali di negeri Sabah. Apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh pihak berkuasa dan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
14. PN-1133-L1817
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan memandangkan bilangan pelajar sekolah menengah yang gagal menamatkan pengajian sehingga ke tingkatan lima mencecah 242,195/3.8 peratus daripada keseluruhan 6.3 juta orang.
15. PN-1133-L1771
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah sumbangan cukai keuntungan dan cukai perkhidmatan syarikat-syarikat ramalan nombor empat ekor yang berlesen setahun.
16. PN-1133-L1466
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah pembaharuan untuk melonjakkan industri kelapa sawit di bawah Pelan Industri Pertanian Ketiga (PIP3) dan apakah cabaran yang bakal dihadapi Kementerian dalam merealisasikannya.
17. PN-1133-L1930
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah wujud kesan negatif terhadap ekonomi dan keyakinan pelabur asing apabila projek jambatan untuk menggantikan Tambak Johor dan projek kereta api 'double tracking' dibatalkan. Benarkah beberapa projek lain yang diluluskan sebelum tahun 2003 seperti Projek Hidroelektrik Bakun juga akan turut dibatalkan.
18. PN-1133-L1910
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah sektor perkilangan, pembinaan dan juga restoran-restoran cenderung kepada pengambilan pekerja asing. Adakah disebabkan syarat-syarat pengambilan yang dikenakan oleh Kementerian tidak ketat dan berlaku 'ketirisan' dalam proses pengurusan pendatang asing.

19. PN-1133-L1690
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelancong yang mempunyai visa yang sah tetapi menyalahgunakan visa mereka untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral seperti kegiatan pelacuran yang telah dikesan di negara kita sehingga pertengahan tahun 2006.
20. PN-1133-L1444
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada strategi pelaksanaan RMK-9 dan misi nasional akan berkait rapat dengan rundingan FTA di antara Malaysia dan Amerika Syarikat, terutama di dalam kejayaan 5 teras utamanya; memandangkan ia adalah merupakan salah satu daripada rakan niaga terbesar Malaysia dan boleh mempengaruhi iklim pelaburan dan pertumbuhan dan peras ugut warga Malaysia sehingga nelayan kerdil juga tidak terkecuali.
21. PN-1133-L1996
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga September 2006 berapakah lagi kekosongan jawatan mengikut kategori jawatan di sektor Perkhidmatan Awam yang masih lagi belum diisi dan nyatakan berapakah pula anggaran jumlah jawatan di semua sektor yang diperlukan sehingga akhir RMK-9 (2010) untuk semua kategori. Nyatakan strategi baru yang sedang dan akan dilaksanakan agar sistem penyampaian yang lebih berkesan dapat diwujudkan.
22. PN-1133-L1956
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah pendatang dari luar negara dengan visa untuk melanjutkan pelajaran di Pusat Pengajian Tinggi tetapi menyalahgunakan visa tersebut untuk membuat pekerjaan lain termasuk pelacuran.
23. PN-1133-L1387
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan setelah Perintah Larangan di bawah Seksyen 31A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikeluarkan terhadap Premis Bright Rims Manufacturing Sdn. Bhd. pada 15 Mei 2006, apakah perkembangannya kerana kawasan-kawasan sekelilingnya masih mengalami pencemaran udara dan bau dari kilang tersebut kerana kilang tersebut masih beroperasi seperti sedia kala.
24. PN-1133-L1794
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan menstrukturkan semula sistem pentadbiran dan penguatkuasaan JAKIM selepas timbulnya isu murtad.

25. PN-1133-L1875
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meningkatkan mutu kad pengenalan yang mudah tertanggal sehingga memudahkan kad pengenalan ditiru.
26. PN-1133-L1539
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pengambilan guru-guru bahasa Tamil bagi sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah menengah di seluruh negara. Adakah pengambilan ini mencukupi bagi menampung kekurangan guru-guru bahasa Tamil di sekolah-sekolah seluruh negara.
27. PN-1133-L1336
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menggalakkan Sarawak sebagai destinasi pelaburan bagi pelabur-pelabur asing dan apakah kerjasama-kerjasama yang telah dilakukan di antara Kerajaan negeri dan Persekutuan bagi memperkemaskan aktiviti penggalakan pelaburan.
28. PN-1133-L1680
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan kaedah-kaedah yang diguna pakai dalam kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni kerana ianya akan melibatkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berbeza budaya dan berlainan agama, di bandar/desa, berbagai-bagai lapisan/peringkat umur dan bermacam ragam tabiatnya supaya ianya tepat menuju ke sasaran dan mudah difahami serta kempen ini lebih berkesan.
29. PN-1133-L1666
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa ramaikah jumlah pelatih Giat MARA yang telah dikeluarkan sehingga kini. Apakah pihak Giat MARA mencari tempat pekerjaan kepada para pelatih tersebut selepas mereka menamatkan latihan.
30. PN-1133-L1754
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menyeragamkan pihak yang bertanggungjawab dalam pengeluaran Logo Halal di antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang diberikan kuasa di bawah Akta Perihal Dagangan terhadap penguatkuasaan pelabelan halal; dan

- (b) apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang Logo Halal yang khusus dan diletakkan di bawah satu Kementerian bagi memudahkan pemantauan dilakukan ke atas mereka yang menggunakannya tanpa permit yang sah dan bagi menjamin kepentingan pengguna Islam di negara ini.
31. PN-1133-L1346
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan program-program dan tindakan yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian agar dapat menarik lebih ramai bukan Melayu, golongan profesional dan generasi muda untuk menyertai RELA agar peranan RELA menjadi semakin relevan dengan perkembangan semasa.
32. PN-1133-L1832
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bahawa pemindahan organ dapat menyelamatkan nyawa orang ramai. Namun begitu, disebabkan mitos, orang ramai bimbang untuk mendermakan organ mereka. Apakah langkah-langkah Kementerian di dalam menggalakkan lebih ramai orang untuk menderma organ.
33. PN-1133-L1804
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tahap produktiviti kakitangan awam setelah terlaksananya sistem kerja 5 hari seminggu dan adakah pihak Kerajaan ada membuat kajian serta mendapat maklum balas daripada pengguna atau kakitangan awam terhadap keberkesanan kerja 5 hari ini.
34. PN-1133-L1592
Ir. Hiang A Li minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa yang telah dilakukan semenjak Pelan Induk K-Ekonomi Negara diperkenalkan tahun 2001 yang lalu, apakah hasilnya sehingga kini dan mengapa terma dan dasar ini sudah tidak berkumandang lagi, apakah ianya sudah tidak guna pakai dan mengapa.
35. PN-1133-L1861
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan ahli penguat kuasa JAKIM hari ini. Adakah bilangan ini mencukupi untuk melakukan tugas-tugas mereka. Apakah bidang kuasa penguat kuasa JAKIM.
36. PN-1133-L1916
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan memantau kewujudan penyiasat-penyiasat persendirian. Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka. Apakah had kuasa yang dibolehkan kepada mereka dalam melakukan penyiasatan seperti yang diminta oleh pelanggannya.

37. PN-1133-L1403
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah jawatan Guru Besar Sekolah Rendah akan diisi sepenuhnya oleh guru-guru bersiswazah dalam Gred DG41. Ini adalah kerana tindakan Kementerian Pelajaran pada masa sekarang sedang meletakkan guru-guru DG41 di sekolah-sekolah rendah.
38. PN-1133-L1585
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha secara khusus yang diambil bagi menangani isu permasalahan sosial yang kian meruncing terutama sekali yang melibatkan golongan belia. Apakah strategi Kementerian bagi memupuk budaya rajin berusaha di kalangan belia.
39. PN-1133-L1520
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis-jenis tanaman, ternakan dan aktiviti-aktiviti hiliran yang boleh dianggap viable untuk program graduan dan lepasan SPM/STPM yang menganggur di era global ini.
40. PN-1133-L1778
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian telah merangka sasaran atau sedang melaksanakan strategi peningkatan per kapita para petani dan nelayan agar ianya setaraf dengan pendapatan golongan petani dan nelayan di negara-negara maju.
41. PN-1133-L1896
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapakah Kerajaan Thailand menganggap AP untuk pengimportan kereta sebagai sekatan bukan tarif (non-tariff barrier) dan telah menjejaskan pengeksporan kereta Malaysia ke negara itu dan jika AP diperlukan untuk barangan lain bolehkah amalan itu akan menjejaskan perdagangan antarabangsa.
42. PN-1133-L1631
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan selain daripada menambah kereta peronda dan bilangan polis, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memerangi jenayah daripada semakin berleluasa.
43. PN-1133-L1461
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan majlis perkahwinan beramai-ramai seperti yang dianjurkan baru-baru ini sebagai langkah untuk menangani isu gejala sosial di kalangan rakyat, ada pendapat menyatakan ia sebenarnya akan menambah kepada masalah apabila pasangan-pasangan ini bercerai.

44. PN-1133-L1730
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program pembangunan yang sudah dirancang dan dilaksanakan setakat ini bagi melahirkan golongan belia yang memiliki sikap positif, berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang ICT dan memiliki sikap keusahawanan, sejajar dengan pembangunan sumber manusia di negara ini.
45. PN-1133-L1349
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kritikan dan serangan bercorak peribadi terhadap kepimpinan tertinggi negara wajar dilakukan oleh sesiapa sahaja kerana ianya boleh berunsur fitnah dan mampu memecah-belah rakyat.
46. PN-1133-L1630
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah peruntukan yang akan disalurkan kepada semua sekolah bantuan modal mengikut aliran di bawah RMK-9.
47. PN-1133-L1544
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan memantau bagi melaksanakan 880 projek di dalam RMK-9 dan memastikan bahawa projek tersebut tidak akan terbengkalai.
48. PN-1133-L2005
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh agensi-agensi yang terlibat dan bertanggungjawab untuk mencapai wawasan 'Malaysia bebas dari dadah pada tahun 2015' dan apakah kedudukan sekarang dalam mencapai wawasan berikut.
49. PN-1133-L1431
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa pekerja tempatan diberi keutamaan di tempat-tempat kerja khususnya di kilang-kilang memandangkan banyak kilang memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja asing.
50. PN-1133-L1502
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan implikasi sosial daripada meningkatnya jumlah kes jenayah secara mendadak dalam tempoh 6 bulan kebelakangan ini dan apakah usaha Kementerian dalam menanganinya.

51. PN-1133-L1858
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) bilangan kekosongan dalam jawatan polis dan apakah insentif bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam perkhidmatan polis; dan
 - (b) apakah Kerajaan menyediakan apa-apa bentuk perlindungan nyawa dan tubuh badan bagi anggota polis semasa dan selepas waktu menjalankan tugas rasmi.
52. PN-1133-L1719
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis panduan yang lebih ketat di pusat-pusat hiburan karaoke, menyediakan premis yang terlalu canggih di mana laluan ke bilik-bilik karaoke amat susah dikesan oleh penguat kuasa sehinggakan perbuatan maksiat GRO dan pengunjungnya sukar dikesan.
53. PN-1133-L1492
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah peranan Kementerian menerangkan kepada umum berkenaan sejarah Tanah Melayu di mana Bangsa Melayu adalah warisan tanah air yang mesti dipertahankan ketuanannya.
54. PN-1133-L1711
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah cita-cita, misi, visi dan hala tuju Universiti Pertahanan Nasional.
55. PN-1133-L1998
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap pelaksanaan projek-projek yang dikenal pasti untuk menjayakan RMK-9, selain dari projek berimpak tinggi sehingga kini.
56. PN-1133-L2006
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian kepada belia-belia yang tidak dapat bekalan dadah dan sebagai ganti menggunakan daun ketum yang mudah didapati.
57. PN-1133-L1791
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sistem ukuran, pemantauan, usaha-usaha dan langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi keselamatan awam selepas pembentangan RMK-9 di mana terdapat kemerosotan Indeks Kualiti Hidup sebanyak 21.5% dari tahun 1990 hingga 2004.

58. PN-1133-L1367
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) peruntukan di bawah Program PPRT adalah tidak selaras di antara sesebuah daerah; di mana terdapat daerah besar yang menerima jumlah peruntukan yang kecil dan daerah yang kecil menerima peruntukan yang besar; dan
 - (b) memohon supaya Peruntukan Projek Luar Bandar (PLB) dimaklumkan kepada Wakil Rakyat dan Ahli Parlimen. Ini untuk mengelakkan dari berlakunya pertindihan projek di kawasan yang sama dan tentunya akan merugikan wang rakyat.
59. PN-1133-L1469
Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah kes ragut dan samun di setiap negeri pada tahun 2004 dan 2005; dan
 - (b) apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang dalam menangani masalah ragut dan samun yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.
60. PN-1133-L1946
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan yang telah dibuat oleh Kementerian agar Kad Bekas Tentera ATM berbentuk kad pintar yang dikeluarkan kepada bekas tentera sekarang sebagai dokumen rujukan untuk mendapatkan kemudahan Kerajaan, dipanjangkan kepada bekas tentera British dan bekas pejuang yang lain seperti Force 136 dan bekas pejuang semasa darurat.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 22/2006) Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang"**.
[6 Disember 2006]
2. (D.R. 29/2006) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali Tambahan (2006) 2006 Yang Kedua**
3. (D.R. 24/2006) Rang Undang-undang Taman Asuhan "Kanak-kanak (Pindaan) 2006
4. PN-1133-U1419
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."
5. PN-1133-U1942
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

6. PN-1133-U1943

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

7. PN-1133-U1944

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2006</u>	<u>DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.201	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2006 hingga 31 Julai 2006 Menurut Peraturan Seksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1066	6 Disember 2006
CMD.11	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 2006	6 Disember 2006
CMD.11A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, Tahun 2006 Bagi Kerajaan Malaysia.	6 Disember 2006
CMD.12	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) Tahun 2006	6 Disember 2006
CMD.12A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, Tahun 2006 Bagi Kerajaan Malaysia	6 Disember 2006
CMD.13	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2006 hingga 31 Julai 2006 Menurut Peraturan 68 Di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	6 Disember 2006
ST.217	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Hospital Sungai Buloh) 2006	7 Disember 2006 7 Disember 2006
ST.220	Akta Dadah Berbahaya 1952 Peraturan-Peraturan Dadah Berbahaya (Pindaan) 2006	
ST.222	Akta Cukai Pendapatan 1967 Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Syarikat Berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) Yang Diluluskan) 2006	7 Disember 2006
ST.223	Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Negara Kuwait) 2006	7 Disember 2006

ST.224	Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Arab Saudi) 2006	7 Disember 2006
ST.225	Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 Kaedah-kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Potongan Bagi Perbelanjaan Audit) 2006	7 Disember 2006
ST.226	Akta Cukai Pendapatan 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.23) 2006 27 November 2006	7 Disember 2006
ST.227	Akta Cukai Pendapatan 1967 Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Acuan Bagi Pengeluaran Komponen Sistem Binaan Berindustri) 2006	7 Disember 2006
ST.228	Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Negara Republik Indonesia) (Pindaan) 2006	7 Disember 2006
ST.230	Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2006	7 Disember 2006
ST.235	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Bagi tahun 2005	7 Disember 2006
ST.243	Laporan Tahunan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Bagi Tahun 2005	7 Disember 2006